

## Keperluan Mewujudkan Aplikasi Digital Mesra Syarak dalam Industri Pelancongan

*(The Need to Create Syariah-Friendly Digital Applications in the Tourism Industry)*

FATIMAH YUSRO HASHIM  
WONG YUKI  
MUHAMMAD ASRI SHAMSUL  
FARIS ISKANDAR FADZLAN  
HENRY TEH HEN LI  
MUHAMMAD FARIS DANIEL SALLEHUDIN  
ADLIESYAMIL YASSIN AZMAN

### ABSTRAK

Dalam era globalisasi ini, umat Islam gemar merantau dan mengembara ke negara asing untuk mempelajari kepelbagaian budaya serta mengambil iktibar melalui pengalaman yang dialami. Namun, bagi memastikan ibadah selaku seorang Muslim, setiap aktiviti yang dilakukan sepanjang mengembara adalah wajib dikaitkan dengan hukum Syarak. Di Malaysia, pegangan Mazhab Syafie menjadi amalan dan oleh yang demikian, apabila terdapat perbezaan aliran dan amalan mazhab yang tidak diamalkan oleh mazhab Syafie di negara asing, orang muslim adakalanya akan berasa ganjil dan keliru sedangkan fahaman tersebut masih lagi berada di bawah *Ahl al-sunnah wal jamaah*. Artikel ini akan memperincikan keperluan kepada mewujudkan aplikasi digital mesra syarak dalam pelancongan bagi memudahkan pemahaman amalan di setiap negara yang dikunjungi. Usaha mewujudkan aplikasi digital mesra pelancong-pelancong ke luar negara berasas kepada 3 objektif utama yang hendak dicapai. Pertama sekali, menyediakan platform digital kepada pelancong beragama Islam untuk lebih memahami amalan mazhab di negara-negara yang dikunjungi. Kedua untuk memberi kemudahan kepada para pelancong untuk lebih memahami cara beribadah dalam suasana mazhab yang berbeza, manakala objektif yang ketiga adalah untuk memelihara maqasid syariah dikalangan umat Islam secara keseluruhannya. Metodologi yang digunakan ialah reka bentuk penyelidikan kualitatif. Data-data yang digunakan dan maklumat-maklumat dalam kertas ini adalah berdasarkan bahan bacaan yang termasuk Al-Quran, tinjauan yang dilakukan oleh pihak kerajaan, jurnal, surat khabar, dan penulisan oleh ahli-ahli profesional dari blog-blog perjalanan dan laman web. Hasil kajian ini mendapati belum ada lagi sebarang aplikasi digital yang memfokuskan kepelbagaian amalan-amalan mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah bagi membantu para pelancong dalam menjalankan ibadah di negara-negara yang dikunjungi. Sebagai kesimpulan kepada rumusan tersebut, didapati bahawa aplikasi seperti ini sememangnya amat perlu diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada umat Islam dalam menjalankan ibadah ketika berada di tempat asing.

Kata Kunci: Aplikasi digital, pelancongan Islam, panduan ibadah, kepelbagaian mazhab

### ABSTRACT

*In this era of globalization, Muslims like to wander and travel to foreign countries to learn about cultural diversity and learn from their experiences. However, in order to ensure worship as a Muslim, every activity carried out while traveling must be linked to Sharia law. In Malaysia, the beliefs of the Shafi'i school become a practice and therefore, when there are differences in the flow and practice of schools that are not practiced by the Shafi'i school in foreign countries, Muslims will sometimes feel odd and confused while the belief is still under Ahl al-Sunnah wal jamaah. This article will detail the need to create a syar'a-friendly digital application in tourism to facilitate the understanding of practices in each country visited. Efforts to create a tourist-friendly digital application abroad are based on 3 main objectives to be achieved. First of all, providing a digital platform for Muslim tourists to better understand the practices of the sect in the countries they visit. The second is to provide facilities for tourists to better understand how to worship in different sectarian settings, while the third objective is to preserve the maqasid of sharia among Muslims*

*as a whole. The methodology used is a qualitative research design. The data used and the information in this paper are based on reading materials that include the Al-Quran, surveys conducted by the government, journals, newspapers, and writing by professional members from travel blogs and websites. The results of this study found that there is not yet any digital application that focuses on the diversity of practices of the Ahli Sunnah wal Jamaah sect to assist tourists in carrying out worship in the countries they visit. As a conclusion to the formulation, it was found that an application like this is indeed very necessary to be created to provide convenience to Muslims in performing worship when they are in foreign places.*

*Keywords: Digital application, Islamic tourism, worship guide, diversity of sects*

## PENGENALAN

Industri pelancongan telah berkembang menjadi sektor utama dalam ekonomi Malaysia. Dengan peningkatan mobiliti manusia, terutamanya dari Malaysia ke destinasi antarabangsa, keperluan terhadap panduan hukum Islam yang tepat dan sesuai dalam konteks pelancongan semakin ditekankan. Bagi menyelesaikan keraguan-keraguan yang timbul, aplikasi mesra Hukum Islam digital yang boleh dimuat turun ke dalam telefon pintar perlu diwujudkan bagi membantu pelancong-pelancong Islam mematuhi prinsip-prinsip hukum Islam dalam menjalankan ibadah semasa berada di negara-negara asing. Perkara ini dilihat penting dan amat diperlukan memandangkan hal berkaitan dengan kelainan dalam melaksanakan ibadah sememangnya menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam. Hal ini boleh berlaku lebih-lebih lagi apabila kita melancong ke negara-negara Islam yang tidak mengamalkan mazhab seperti amalan kita.

Sebagai contoh paling mudah, suasana ibadah haji yang berlaku pada setiap tahun menyebabkan ada dari kalangan umat Islam bermazhab Syafie (Majid, 2007)<sup>1</sup>. dari Malaysia yang menghadapi kejutan budaya apabila tiba di sana kerana mereka melihat suami dan isteri berpimpin tangan menuju ke masjid, dan kemudiannya terus menunaikan solat tanpa mengambil wudhuk, sedangkan amalan mereka selama ini adalah terbatal wudhuk apabila suami dan isteri

bersentuhan. Selain itu, terdapat banyak lagi amalan-amalan yang dibolehkan dalam mazhab lain tetapi adalah dilarang dalam mazhab Syafie seperti penutupan aurat sewaktu solat yang amat berbeza berbanding amalan mazhab Syafie dan Hanafi. Ini adalah sebahagian contoh yang kadangkala menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam apabila mereka ke luar negara.

Sebagai seorang Muslim, adalah wajar wujud perasaan keliru sebegini berdasarkan maksud dari Surah Al-Fathir ayat 28 yang mengatakan, “Sesungguhnya yang menaruh bimbang dan yang takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hambaNya adalah orang-orang yang berilmu (ulama).” Oleh yang demikian, disebabkan perbezaan amalan dalam ajaran mazhab di negara masing-masing, persoalan yang timbul adalah apakah perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh pengikut mazhab syafie apabila berada di luar negara, iaitu dengan mengikut amalan mazhab negara tersebut? Persoalan kedua yang timbul adalah apakah amalan-amalan yang dilakukan itu diterima walaupun mengikut amalan mazhab selain Syafie?

## MEMAHAMI AMALAN IBADAH UMAT ISLAM YANG BERBEZA

Imam al Ghazali dalam kitab *Al-Ihya'* bab *al-Amr bil Ma'ruf wa al-Nahy 'anil Munkar* berkaitan dengan rukun hisbah menyatakan “Hendaklah perkara mungkar itu, sedia maklum diketahui dan tidak melibatkan lapangan ijtihad, kerana setiap yang

melibatkan lapangan ijtihad, tidak boleh menolaknya. Dengan itu seorang yang bermazhab Hanafi tidak boleh menolak amalan pengikut mazhab syafie yang memakan berbagai jenis haiwan laut, manakala orang yang bermazhab syafie pula tidak boleh menolak amalan mazhab Hanafi yang boleh melangsungkan perkahwinan tanpa wali dan meminum nabiz yang tidak memabukkan.” Menurut Imam al Shazali adalah dikatakan bahawa seorang mujtahid tidak harus menolak ijtihad yang dilakukan oleh mujtahid lain kerana tidak ada seorangpun mujtahid yang boleh dikatakan mempunyai pendapat yang paling utama dari segi betulnya (al-Din, 1993).<sup>2</sup>

Sebagai contoh, umat Islam di negara yang mengamalkan mazhab Maliki seperti Maghribi, Tunisia dan Libya berpendapat bahawa anjing pada asalnya adalah haiwan yang bukan najis, dan hanya air liurnya sahaja yang wajib disertai sebanyak tujuh kali basuhan, namun bagi umat Islam di Malaysia yang mengamalkan mazhab Syafie, anjing adalah seekor haiwan yang dihukum sebagai najis berat secara keseluruhan tubuh badannya, dan wajib disertai apabila tersentuh dalam keadaan tertentu (Fahmi, 2018).<sup>3</sup> Dalam isu ini, tidak ada pandangan sebahagian mazhab yang lebih betul atau lebih tepat berbanding mazhab lain kerana ianya adalah bersandarkan kepada ijtihad para ulama pada suatu ketika dahulu dalam menginstinbat hukum. Menurut Abdul Syukor (2000) mengelakkan kekeliruan, kewujudan sebuah aplikasi yang sesuai dilihat amat perlu bagi membolehkan perbezaan hukum dan amalan mazhab-mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah di seluruh dunia lebih mudah difahami.<sup>4</sup> Ini adalah berasaskan kepada keperluan untuk kita merai dan menghormati perbezaan pendapat, sekaligus ianya dapat mengelakkan sebarang kesalah fahaman dan

fitnah yang berlaku sesama umat Islam.

Kepelbagaian dan perkembangan mazhab di serata dunia telah bermula selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW dimana para ulama’ saling berijtihad dalam menentukan hukum hakam dalam permasalahan baru (Mahmoud, 2016).<sup>5</sup> Kewafatan Rasulullah SAW menandakan wahyu perundangan Islam turut tamat, dan ini telah menyebabkan kepelbagaian pandangan antara para sahabat semakin berkembang. Penghijrahan para sahabat keluar dari Madinah untuk menyebarkan ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia turut menjadi faktor berkembangnya kepelbagaian pandangan antara mereka. Permasalahan dalam kehidupan umat Islam semakin bertambah sehingga memerlukan ijtihad untuk menginstinbat hukum bagi setiap masalah yang berlaku. Hasil daripada perkembangan mazhab ini, telah tercipta 4 mazhab utama Ahli Sunnah Wal Jamaah ini dan ia menjadi rujukan seluruh dunia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan sejarah tersendiri.

Allah SWT telah berfirman di dalam Surah Al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”. Melalui ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawa orang-orang yang beriman adalah bersaudara dan hendaklah kita berdamai dan tidak menjadikan suatu punca perselisihan dan pandangan sebagai satu asbab untuk kita saling bertelingkah. Islam tidak melarang umat Islam untuk mempunyai pandangan tersendiri yang menjadi hukum Islam terhadap sesuatu perkara malahan ianya digalakkan di sisi Islam asalkan pendapat tersebut mematuhi garis panduan ajaran Islam itu sendiri.

Khalifah umat Islam Umar bin Abd al-Aziz pernah berkata: *“Aku tidak gembira jika para sahabat Muhammad SAW tidak berselisih pendapat sesama mereka. Ini kerana, jika mereka tidak berselisih pendapat maka tidak akan berlakunya rukhsah.”* [al-Faqih wa al-Mutafaqqih, 116/2]. Ayat ini bermaksud perbezaan pendapat itu perlulah wujud dan diraikan namun mestilah berlandaskan syariat. Ini selari dengan surah Al-Nisa ayat 59 bermaksud: *“Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) di dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (al-Sunnah) jika kamu benar beriman kepada Allah dan juga hari Akhirat.”* Ayat Al-Quran ini menerangkan bahawa perbezaan pendapat adalah dibolehkan dan diraikan. Namun, sekiranya terdapat perselisihan faham di dalam sesuatu perkara, hendaklah seorang muslim itu kembali kepada Al-Quran dan Sunnah. Perbezaan pendapat yang menjadi hukum Islam ini sering berlaku dalam sesuatu perkara di sesebuah negara, tetapi, adalah harus kepada seseorang muslim untuk menghormati hukum Islam yang berbeza walaupun ianya tidak diamalkan di tempat setempat dan hanya diamalkan di negara luar (Ibrahim, 2010).<sup>6</sup>

Perbezaan hukum pensyariaan antara negara-negara di dunia ini berlaku lazimnya di sebabkan beberapa faktor, antaranya perbezaan mazhab, kedudukan status Islam di dalam negara tersebut, budaya setempat, faktor geografi yang mempengaruhi kehidupan setempat dan demografi muslim di sesebuah negara (Nuryadi, 2019).<sup>7</sup> Faktor-faktor ini menyumbang kepada perbezaan hukum Islam yang mungkin jika disalahertikan akan menjurus pada salah faham yang boleh mengakibatkan perselisihan jika seseorang Muslim itu terlalu berpegang kepada fahamannya sendiri, tanpa mencuba untuk memahami dan menghormati perbezaan

hukum Islam di sesebuah negara. Sebagai contoh, terdapat beberapa isu yang menjadi sebab berlakunya perselisihan di antara umat Islam apabila merantau ke negara orang.

Contoh pertama yang diberikan adalah hukum memakan binatang laut. Pada dasarnya hukum memakan binatang laut adalah dibolehkan berdasarkan firman Allah pada surah Al Maidah ayat 96 yang bermaksud *“Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelazatannya) dan juga bagi orang-orang yang dalam pelayaran; tetapi diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu sedang berihram. Oleh itu, bertakwalah kepada Allah, yang kepadaNya kamu akan dihindarkan.”*. Namun Mazhab Hanafi menegaskan bahawa semua binatang laut adalah haram hukumnya untuk dimakan kecuali ikan.<sup>8</sup> Kebanyakan muslim yang bermazhab Hanafi adalah di negara Pakistan, Rusia, Mesir, Syria, Turki, Tajikistan, Iraq, China dan India dan oleh yang demikian, seorang pelancong Muslim dari Malaysia mestilah bersedia untuk menerima dan menghormati amalan mereka ketika melawat ke negara-negara tersebut (Khafidz, 2021).<sup>8</sup>

Contoh kedua diberikan adalah isu hukum memakai kasut dengan niat memakai khuf untuk berwudhu. Ini adalah berlandaskan hadis Riwayat al-Bukhari (1478) dan Muslim (272) bermaksud *“Aku melihat Nabi SAW pergi buang air kecil, kemudian Baginda berwudhu’ dan menyapu bahagian atas kedua-dua khufnya.”* Khuf adalah merupakan sejenis kasut kulit yang dipakai menutup keseluruhan anggota kaki sehingga ke buku lali. Cara berwudhu tanpa perlu membuka khuf ini merupakan satu keringanan yang harus bagi lelaki dan perempuan untuk mengambil wudhu ketika situasi musim panas atau sejuk, musafir atau mukim dan ketika sihat atau sakit, dan ia merupakan cara

mengambil wudhu untuk menggantikan cara wudhu yang biasa yang membasuh keseluruhan anggota kaki dengan air.<sup>9</sup> Melihat seorang muslim mengambil wudhu dengan berkasut bukanlah satu perkara yang biasa bagi tempat yang beriklim tidak melampau seperti Malaysia, namun cara wudhu dengan menyapu khuf ini sering dilakukan di tempat yang sejuk melampau seperti di kawasan yang sejuk melampau seperti Russia, Azerbaijan dan Mongolia sebagai contohnya. Hadith yang dipetik dari *Encyclopedia of Translated Prophetic Hadiths*<sup>10</sup> bermaksud “Jika salah seorang daripada kamu berwuduk kemudian memakai sarung kaki kulitnya, maka hendaklah dia menyapunya (dalam wuduk berikutnya) dan solat sambil memakainya tanpa menanggalkannya, kecuali jika dia dalam keadaan Janābah.”<sup>11</sup> Jelas dari maksud hadith ini berkenaan kebenaran berwuduk dengan memakai sarung kaki atau khuf, yang mana bukan merupakan amalan umat Islam yang hidup di kawasan khatulistiwa ini.

Oleh sebab adat kehidupan di kawasan yang berbeza, Muslim yang tidak pernah melihat amalan ini pastinya akan terkejut dan mempunyai persoalan tentang sah ataupun tidak wudhu bagi mereka yang berwudhu dengan memakai khuf ini. Namun tidak wajar bagi seorang muslim yang tidak mengetahui akan hukum berwudhu dengan memakai khuf ini untuk mengatakan bahawa ibadah mereka yang berwudhu cara ini adalah tidak sah. Akan tetapi, kita sepatutnya membuat kajian tentang hukum berwudhu secara kahf ini agar tidak timbulnya perselisihan faham. Dengan kewujudan aplikasi mesra hukum Islam yang dicadang ini, ia dilihat dapat menjadi medium dalam menyelesaikan kesulitan dan salah faham tentang perbezaan amalan mazhab-mazhab ini, serta mewujudkan pergaulan yang lebih harmoni antara umat Islam walaupun berbeza mazhab dan amalan.

## KEPENTINGAN APLIKASI MESRA SYARAK KEPADA PELANCONG

Kepelbagaian mazhab fiqh menjadi sebahagian bukti rahmat Allah SWT yang memberi ruang dan peluang kepada manusia untuk menggunakan akal fikiran dalam memahami sesuatu hukum. Satu bentuk ijtihad yang dinamik bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku berdasarkan kaedah, prinsip dan sumber hukum telah ditunjukkan daripada usaha yang ditunjukkan oleh setiap ilmuan mazhab. Realiti kepelbagaian dalam pemikiran ini dinyatakan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud Dan tiadalah Kami menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) melainkan supaya engkau menerangkan kepada mereka akan apa yang mereka berselisihan padanya; dan supaya menjadi petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman (Al-Quran, Surah al-Nahl 16:64).

Usaha untuk mengumpulkan informasi tentang segala amalan dan hukum hakam di dalam keempat-empat mazhab ini, ianya hanya dapat direalisasikan apabila terdapat keterlibatan oleh semua pihak. Hubungan diplomatik antara negara-negara dapat dieratkan melalui usaha mengumpul data dari negara lain. Hal ini demikian kerana pertukaran ilmu ajaran Islam dan maklumat adat-istiadat merupakan aktiviti dua hala dan negara-negara yang terlibat dapat memahami perbezaan amalan antara satu sama lain secara lebih mendalam. Di samping itu, negara yang diminta data-data berkenaan akan mendapat manfaat di mana sektor pelancongan mereka akan lebih meningkat kerana terdapat hukum-hakam negara sendiri yang jelas, di mana lebih banyak orang akan mengetahui dan memahami negara tersebut. Melalui usaha ini, pelancong-pelancong Muslim akan lebih cenderung untuk melawati

negara-negara tersebut atas sebab dapat memastikan ibadah yang betul. Sebagai contoh, Malaysia sebagai salah satu daripada negara yang menganggotai OIC (*Organisation of Islamic Cooperation*) yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara luar, boleh memperkenalkan aplikasi tersebut semasa persidangan OIC dan meminta bantuan ataupun kerjasama dari ahli negara-negara untuk mengumpulkan data-data berkenaan. Sebagai contoh hubungan diplomatik berkesan yang pernah dibuat oleh kerajaan Malaysia dengan negara luar adalah isu berkaitan pengiktirafan bersama pensijilan halal bagi produk tempatan di negara Indonesia.<sup>12</sup> Hasil daripada hubungan diplomatik dua hala ini telah berjaya menjadikan produk tempatan Malaysia mendapat jualan hangat di Indonesia disebabkan kemudahan yang diberikan kepada prosedur dan tatacara pensijilan halal. Usaha ini telah mengembangkan ekonomi negara Malaysia dan meningkatkan reputasi negara ke seluruh rantau Asia Tenggara.

Selain daripada itu, kita juga akan berkolaborasi dengan agensi perlancongan luar negara dan tugas utama jabatan ini adalah untuk mempromosikan aplikasi mesra hukum ini kepada pelancong-pelancong yang datang dan keluar Malaysia. Agensi perlancongan luar negara yang dimaksudkan di sini termasuk agensi perlancongan yang terkenal di peringkat kerajaan mahupun swasta seperti Tabung Haji, Andalusia, Juara, Tiram dan banyak lagi. Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan orang yang mengerjakan ibadah umrah dan haji adalah terdiri daripada golongan warga emas,<sup>13</sup> oleh itu memandangkan golongan warga emas kurang gemar menggunakan teknologi moden seperti telefon pintar, pembinaan aplikasi ini memerlukan kerjasama daripada agensi perlancongan luar negara untuk

mempromosikan dan memasang aplikasi ini di setiap telefon pintar peserta haji dan umrah supaya ianya dapat memudahkan urusan mereka dalam mengerjakan ibadah di tanah suci daripada segi pengetahuan hukum-hakam di negara Arab kerana mereka mengamalkan mazhab yang berlainan di negara Malaysia.

Maka, setelah melihat dan meneliti inisiatif dan kebaikan yang akan diperolehi daripada objektif ini, sekiranya usaha ini mendapat sokongan yang baik daripada kerajaan Malaysia untuk memperkenalkan aplikasi digital mesra hukum Syarak ini di persidangan OIC dan agensi perlancongan yang terkemuka, sudah pasti ianya akan menjadi satu inovasi yang fenomena dimana ia dilihat dapat merapatkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara luar kerana ianya dapat mempromosikan sektor politik, ekonomi dan sosial negara Malaysia. Dalam keadaan semasa, dapat dilihat secara umumnya, pendedahan tentang beberapa perkara di dalam satu-satu mazhab adalah sukar dan memerlukan penelitian yang khusus dan mendalam untuk mengetahui tentang langkah berjaga-jaga yang harus diambil sebelum melawat atau pengembara ke satu tempat baharu. Bagi seorang muslim, perbezaan pendapat antara mazhab ini harus dihormati dan dipraktikkan di kawasan yang mengamalkan mazhab tersebut sebagai satu bentuk toleransi terhadap perbezaan pendapat selagi ianya tidak melanggar hukum Syarak. Bagi mencapai hukum Sunnah bagi menyempurnakan pergaulan sosial dan kehidupan, gajet teknologi merupakan satu alat yang memberikan bantuan yang amat berguna di mana informasi-informasi relevan dapat diakses dengan senang dan pada masa yang sama, maklumat-maklumat tersebut dapat dikemas kini dari semasa ke semasa.

## FASA PEMBANGUNAN PLATFORM APLIKASI DIGITAL

Pertumbuhan teknologi dan pelancongan yang pesat dalam era globalisasi telah memberikan impak besar terhadap cara manusia menjalani kehidupan. Semakin banyak pelancong dari Malaysia yang berusaha mengeksplorasi dunia luar, dan bertambahnya pelancong luar yang masuk ke Malaysia menjadikan perlunya panduan hukum Islam yang relevan dan mesra pelancongan. Secara ringkasnya, inisiatif untuk menyediakan platform bagi membangunkan aplikasi mesra hukum Islam bagi pelancong-pelancong Malaysia ke luar negara dan sebaliknya adalah langkah proaktif dalam menyambut cabaran semasa. Dengan kerjasama yang kuat antara pelbagai pihak, aplikasi ini akan memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya pelancong-pelancong Malaysia yang beragama Islam yang ingin melancong ke luar negara.

Bagi pelaksanaan aplikasi ini secara berkesan 3 proses utama telah dibahagikan. Langkah-langkah tersebut adalah pertama merupakan fasa pengumpulan data iaitu dengan menjalin hubungan diplomatik bagi mengumpul maklumat yang berkaitan, fasa membina aplikasi dan fasa pengenalan aplikasi bagi memberikan ruang untuk menambah baik penggunaan. Langkah pertama yang akan diambil bagi merialisasikan cadangan ini bermula dengan dasar pengumpulan data. Dalam fasa ini, kompilasi-kompilasi pandangan mazhab dalam negara masing-masing akan dikumpulkan, disertai dengan perbincangan khusus mengenai satu-satu perkara. Pada masa yang sama, pandangan-pandangan ulama dan fuqaha akan dikumpulkan dalam memberi hukum mengenai satu-satu amalan bagi satu-satu agama yang dianggap sebagai

satu bentuk ibadah bagi mazhab-mazhab lain di negara tersebut. Dengan menghimpunkan para ulama fuqaha, pandangan-pandangan dan informasi dapat ditukar dengan efektif di mana orang awam dapat mengamalkan adat istiadat yang dipraktikkan, ataupun memahami amalan penganut mazhab-mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah di luar negara bagi mengelakkan perselisihan. .

Kedua, fasa pembangunan aplikasi mesra digital akan dijalankan serentak dengan pengumpulan data-data tersebut. Di dalam langkah penyediaan ini, selain pihak pemaju atau *developer* bagi aplikasi ini, projek ini akan dilaksanakan sebagai satu projek prototype sebelum ianya dikembangkan dan dipasarkan. Melalui langkah ini, ia mampu untuk memberi peluang untuk dapatkan pendedahan kepada golongan pembina aplikasi ini khususnya. Seterusnya pada fasa ini, Bagi memahami dengan lebih mendalam lagi, perjumpaan bersama-sama pemegang taruh dan pihak-pihak berkepentingan dalam kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Fatwa Kebangsaan, Tourism Malaysia dan kementerian-kementerian berkaitan serta ahli-ahli agamawan dari setiap negara, bagi memastikan setiap bentuk pengisian adalah tepat dan betul. Hal ini perlu dilakukan supaya tidak berlaku percanggahan antara kandungan dan pengisian aplikasi tersebut dengan bentuk praktikaliti sebenar. Melalui kerjasama sebegini, fasa pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan pada masa yang sama menjalinkan hubungan silaturahim yang lebih rapat dengan negara-negara tersebut.

Setelah pengumpulan data-data dan pembangunan aplikasi menuju ke arah yang matang, fasa terakhir iaitu fasa memperkenalkan “Aplikasi Digital Mesra

Syarak Pelancong” ini akan dijalankan. Fasa pengenalan aplikasi ini akan dibahagikan kepada tiga fasa. Terlebih dahulu, aplikasi ini akan diperkenalkan dalam negara, dan seterusnya ke negara-negara di Asia Tenggara, dan akhirnya ke seluruh dunia. Antara sebab utama mengapa ianya perlu diperkenalkan di Malaysia terlebih dahulu adalah sebagai langkah ujikaji pengenalan ataupun lazimnya dikenali sebagai *pilot test* sebelum ianya dapat dikomersialkan ke peringkat global. Dalam masa yang sama pendedahan tentang cara penggunaan ini dapat diperkenalkan dan dipromosikan dalam skala domestik bagi melihat penerimaan pengguna-pengguna tempatan, iaitu kepada perantau, pengembara mahupun pelajar-pelajar tempatan yang berhasrat untuk menuntut ilmu di luar negara. Dalam skala domestik ini juga, selain daripada berurusan dengan kerajaan pusat, proses-proses seperti penciptaan aplikasi, modifikasi terhadap pengisian dan paparan pengguna juga perlu dilaksanakan serta memerlukan tempoh yang rapi. Hal ini, adalah perlu dengan beberapa faktor yang diambil kira seperti, memastikan aplikasi tersebut mesra pengguna, mengelakkan sebarang masalah seperti *bug*, *crash* dan ralat, serta untuk memastikan supaya tiada ruang bagi pusat data tidak digodam sewenang-wenangnya sehingga boleh menyebabkan penyebaran virus dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, sebelum melalui fasa yang seterusnya satu bentuk penyediaan aplikasi yang matang dapat disediakan bagi pemasaran dan diperkenalkan ke peringkat global

Bagi fasa kedua pula iaitu diperkenal di peringkat ASEAN, ianya merupakan suatu permulaan ke arah pengimplimentasian yang lebih mapan dan konsisten bagi aplikasi ini. Dalam masa yang sama juga, memandangkan skala negara ASEAN ini adalah kecil dan

sebahagiannya adalah negara Islam yang mengambil pandangan dan pendekatan yang berbeza seperti Indonesia, maka ianya mampu untuk menjalin satu bentuk hubungan diplomatik secara strategik di kawasan rantau ini. Di samping itu, aktiviti komunikasi antara negara-negara sekiranya mempunyai apa-apa ralat mahupun percanggahan mampu diatasi dengan mudah. Seterusnya, bagi fasa ketiga pula, iaitu penggunaan di peringkat dunia, seharusnya pada fasa ini penggunaan terhadap aplikasi ini adalah sudah matang dari segi penggunaan mesra pengguna, pencarian maklumat daripada aplikasi serta pemakaian dalam pelbagai bahasa. Oleh hal yang demikian di fasa ini, penyasaran terbesar adalah supaya masyarakat dunia lebih cakna dan mampu memberikan maklum balas yang positif semasa menggunakan aplikasi ini. Di dalam fasa ini juga, diharapkan agar satu bentuk jalinan yang utuh dan komprehensif bersama setiap negara.

Ringkasnya, langkah-langkah bagi merealisasikan aplikasi ini tidaklah mudah secara hakikat dan realitinya, namun melalui cadangan ini, sekiranya wujud kerjasama oleh pihak-pihak tersebut, aplikasi ini mampu menjadi suatu inovasi yang mampu memberi manfaat kepada umat Islam di seluruh dunia, selaras dengan hadis Nabi SAW riwayat Ibnu Hibban, bahawa “Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi orang lain”.

## KESIMPULAN

Di Malaysia, pegangan dan pengamalan mazhab syafie telah berakar umbi sejak awal kedatangan Islam di alam melayu lagi. Jadi apabila terdapat perbezaan aliran dan amalan mazhab yang tidak diamalkan oleh penganut mazhab syafie di negara asing, orang muslim terutamanya masyarakat Malaysia akan berasa ganjil dan keliru sedangkan fahaman

tersebut masih lagi berada di bawah payung *Ahl al-sunnah*.<sup>21</sup> Dengan adanya aplikasi sebegini, para pengembara penganut Islam dapat memperoleh sedikit sebanyak ilmu pengetahuan dan informasi tentang pandangan mazhab yang diamalkan oleh negara lain sebelum dia melawat ke kawasan yang ingin dituju.

Sebagai contoh, antara perbezaan pandangan mazhab ialah amalan pembacaan doa qunut di waktu subuh. Bagi negara yang mengamalkan mazhab hanafi seperti Turki, Syria dan Lebanon, doa qunut tidak diamalkan sedangkan malaysia yang bermazhab syafie mengamalkan pembacaan doa qunut di waktu subuh. Jadi melalui aplikasi ini, pengembara muslim dapat bersikap terbuka dan bertoleransi dengan amalan dan mazhab negara lain ketika mengembara ke negara asing kerana perbezaan mazhab ini adalah salah satu rahmat Allah SWT yang diraikan. Di samping itu, apabila umat Islam memahami hukum-hukum Islam dengan baik ketika pergi ke negara asing, dampak positif yang signifikan dapat terjadi dalam berbagai aspek kehidupan mereka di luar negeri. Pemahaman yang kuat tentang hukum Islam akan membantu mereka menjaga identitas agama dan budaya mereka, sambil tetap berinteraksi secara harmonis dengan masyarakat lokal dan mematuhi hukum setempat. Berikut adalah beberapa hal yang dapat dicapai ketika umat Islam memahami hukum-hukum Islam dalam konteks perjalanan ke negara asing.

Pertama sekali adalah dari aspek memelihara nilai dan identiti agama. Pemahaman yang mendalam tentang hukum-hukum Islam akan membantu umat Islam menjaga nilai-nilai agama mereka tanpa mengabaikan kekeliruan tentang amalan-amalan yang asing dan baru di negara luar. Mereka akan dapat melaksanakan amalan-

amalan ibadah dan melakukan aktiviti-aktiviti agama lainnya sesuai dengan tuntutan Islam walaupun berada di lingkungan mazhab yang berbeza. Seterusnya, pemahaman terhadap hukum dan amalan setempat juga dapat dititikberatkan melalui aplikasi ini. Dengan memahami hukum-hukum Islam dan juga hukum-hukum setempat di negara asing, umat Islam akan mampu menghindari tindakan yang melanggar hukum dan adat istiadat setempat, kerana hal ini amat bertepatan sekali dengan hadith Rasulullah SAW yang menyebut “Adat dan amalan setempat itu menjadi hukum”.<sup>14</sup> Hal ini akan membantu mereka menjaga keseimbangan antara kewajiban agama dan tuntutan hukum negara tempat mereka tinggal.

Perkara ini sekaligus menyumbang kepada interaksi yang lebih makmur dan harmoni sesama umat Islam walaupun berbeza amalan dan budaya. Ini kerana dengan memahami hukum Islam di negara yang dikunjungi akan memungkinkan umat Islam dapat berinteraksi dengan lebih baik dengan masyarakat setempat. Mereka akan dapat mengenalkan nilai-nilai Islam dengan cara yang respektif dan menghindari kesalahfahaman atau konflik yang mungkin timbul akibat perbezaan yang wujud. Selain ibadah, pemahaman terhadap hukum keluarga Islam juga akan membantu umat Islam mengatasi berbagai isu berkaitan pernikahan, perceraian, hak-hak anak, dan pewarisan dalam konteks hukum setempat di negara asing, seandainya berlaku perkahwinan antara dua negara. Ini akan memberi mereka panduan yang lebih jelas dan menghindari konflik hukum. Selain daripada itu, apabila umat Islam faham akan segala hukum, ia akan turut membantu juga dari segi pemahaman tentang prinsip-prinsip lain seperti pemakanan, hubungan sosial dan gaya hidup Islam lainnya.

Kesimpulannya, pemahaman hukum-hukum Islam oleh umat Islam ketika menziarahi negara asing mempunyai dampak positif yang luas. Dari pemeliharaan nilai-nilai agama hingga interaksi yang harmonis dengan masyarakat lokal, pengelolaan kewangan, penanganan hukum keluarga, dan pengembangan peribadi, pemahaman ini akan membantu mereka menghadapi tentangan dengan keyakinan dan integriti.

## NOTA Hujung

<sup>1</sup>Abd. Majid, M. Z. 2007. Mazhab Syafie di Malaysia: Sejarah, Realiti Dan Prospek Masa Depan. Jurnal Fiqh, 4(1), 1–38. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.1>.

<sup>2</sup>al-Din., N., Yahya ibn Sharaf, Muhyi, Matraji, M., & Matraji, A. Z. (1993). *Riyad US-saliheen*. Dar el-Fiker.

<sup>3</sup>Fahmi Rusli, M. (2018, April 9). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 221 : Hukum Sertu Menggunakan Sabun Taharah. Putrajaya, Malaysia. Retrieved May 28, 2023

<sup>4</sup>Abdul Shukor Husin. 2000. Ahli Sunnah Waljamaah Pemahaman Semula. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>5</sup>Mahmoud, A. (2016, November 18). Abu hanifa: the first imam. Ahram Online. Retrieved August 2023, from

[https://english.ahram.org.eg/NewsContent/32/1169/247211/Heritage/Inspiring-Minds/Abu-Hanifa-The-first-imam.as](https://english.ahram.org.eg/NewsContent/32/1169/247211/Heritage/Inspiring-Minds/Abu-Hanifa-The-first-imam.aspx#:~:text=Throughout%20the%20history%20of%20Islamic,Ahmed%20Ibn%20Hanbal%20(699%2D767)

[px#:~:text=Throughout%20the%20history%20of%20Islamic,Ahmed%20Ibn%20Hanbal%20\(699%2D767](https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.1)

<sup>6</sup>Ibrahim, B. (2010). Perbezaan Pendapat Dalam Perkara Cabang Fiqh: Analisis Terhadap Pandangan Al-Qaradawi. Jurnal Syariah, 18(1).

<sup>7</sup>Ahmad Nuryadi Asmawi, (2019). *Fiqh Keutamaan*. (Terj) Yusof Al-Qaradhawi, Fiqh Aulawiyat. Selangor. At-Taqwa Publication Sdn Bhd.

<sup>8</sup>Eating certain seafood is Haram, Turkey's top religious body says in Fatwa. Duvar English. (2021, August 26). <https://www.duvarenglish.com/eating-certain-seafood-is-haram-turkeys-top-religious-body-says-in-fatwa-news-58617>

<sup>9</sup>Khafidz Soroni, M. (2021, February 14). Abu hanifah imam ilmu fiqh & hadis. Harian Metro . Retrieved 2023, from <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/02/674283/abu-hanifah-imam-ilmu-fiqh-hadis>.

<sup>10</sup>Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-222 : Hukum Memakai Kasut Dengan Niat Memakai Khuf. (2018, April 23). Putrajaya, Malaysia . Retrieved 2023,.

<sup>11</sup><https://hadeethenc.com/en/browse/hadith/8392>

<sup>12</sup>Ahmad, A. (2023). Produk logo halal jakim boleh masuk indonesia tanpa sekatan. Kosmo. Retrieved

2023, from <https://www.kosmo.com.my/2023/06/08/produk-logo-halal-jakim-boleh-masuk-indonesia-tanpa-sekatan/>.

<sup>13</sup>Abdullah , R. (2017, May 4). Temani warga emas ke tanah suci. mStar. Retrieved December 2023, from <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/05/04/temani-warga-emas>.

<sup>14</sup>Marwan Bukhari A. Hamid, (2016). *Memahami Maqasid Syariah*. (Terj) Jasser Auda, Maqaasid Al-Syariah. Selangor. PTS Islamika Sdn. Bhd.

## RUJUKAN

Abdullah, R. (2017, May 4). Temani warga emas ke tanah suci. mStar. Retrieved December 2023, from <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2017/05/04/temani-warga-emas>.

Abdul Shukor Husin (2000). Ahli Sunnah Waljamaah Pemahaman Semula. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amree Ahmad (2023, Jun 8). Produk logo halal jakim boleh masuk indonesia tanpa sekatan.

Kosmo.2023,<https://www.kosmo.com.my/2023/06/08/produk-logo-halal-jakim-boleh-masuk-indonesia-tanpa-sekatan/>.

Al-Din., N., Yahya ibn Sharaf, Muhyi, Matraji, M., & Matraji, A. Z. (1993). *Riyad US-saliheen*. Dar el-Fiker.

Abd. Majid, M. Z. (2007). Mazhab Syafie di Malaysia: Sejarah, Realiti Dan Prospek Masa Depan. Jurnal Fiqh, 4(1), 1–38. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol4no1.1>.

Bernama. (2022). Malaysia has much to offer in halal economy, other areas in muslim world. Bernama Malaysian News Agency.

Eating certain seafood is Haram, Turkey's top religious body says in Fatwa. Duvar English. (2021, August 26). <https://www.duvarenglish.com/eating-certain-seafood-is-haram-turkeys-top-religious-body-says-in-fatwa-news-58617>

- Fahmi Rusli, M. (2018, April 9). Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 221: Hukum Sertu Menggunakan Sabun Taharah. Putrajaya, Malaysia. Retrieved May 28, 2023.
- General Iftaa' Department. (2019, June 13). Ruling on Killing Dogs and Ruling on their Impurity. General Iftaa' Department <https://www.aliftaa.jo/Question2En.aspx?QuestionId=3508>
- Hadith: If one of you makes ablution and then wears his leather socks, then let him wipe over them (in his next ablution) and pray while having them on without taking them off, except if he becomes in the state of Janābah. Encyclopedia of Translated Prophetic Hadiths. (2023). <https://hadeethenc.com/en/browse/hadith/8392>
- Ibrahim, B. (2010). Perbezaan Pendapat Dalam Perkara Cabang Fiqh: Analisis Terhadap Pandangan Al-Qaradawi. *Jurnal Syariah*, 18(1), 191–228. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22680>
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-222: Hukum Memakai Kasut Dengan Niat Memakai Khuf. (2018, April 23). Putrajaya, Malaysia.
- Khafidz Soroni, M. (2021, February 14). Abu hanifah imam ilmu fiqah & hadis. *Harian Metro*. 2023, <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/02/674283/abu-hanifah-imam-ilmu-fiqah-hadis>.
- Mahmoud, A. (2016, November 18). Abu hanifa: the first imam. *Ahram Online*. August 2023, [https://english.ahram.org.eg/NewsContent/32/1169/247211/Heritage/Inspiring-Minds/Abu-Hanifa-The-first-imam.aspx#:~:text=Throughout%20the%20history%20of%20Islamic,Ahmed%20Ibn%20Hanbal%20\(699%2D767](https://english.ahram.org.eg/NewsContent/32/1169/247211/Heritage/Inspiring-Minds/Abu-Hanifa-The-first-imam.aspx#:~:text=Throughout%20the%20history%20of%20Islamic,Ahmed%20Ibn%20Hanbal%20(699%2D767).
- Ravi Abdullah, M. F., & Mahad Musa, Z. (2020). Harmonisasi Mazhab Fiqh Dalam Mendepani Pandemi Conference: Persidangan Antarabangsa Webinar “Bermazhab di Era Milenial” At: Institut Agama Islam Negeri Ambo (pp. 1–14). Malaysia.
- Ministry of Foreign Affairs Malaysia Portal. (2009, September 25). [https://www.kln.gov.my/web/guest/home/-/journal\\_content/56/10136/180884?refererPlid=10139#:~:text=As%20a%20founding%20member%20of,Secretary%2DGeneral%20of%20the%20OIC](https://www.kln.gov.my/web/guest/home/-/journal_content/56/10136/180884?refererPlid=10139#:~:text=As%20a%20founding%20member%20of,Secretary%2DGeneral%20of%20the%20OIC).
- Zulkafli, N. (2023, June 15). HDC bantu luas pasaran ke luar negara. *Sinar Harian* <https://www.sinarharian.com.my/article/263515/berita/nasional/hdc-bantu-luas-pasaran-ke-luar-negara>.
- Fatimah Yusro Hashim  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: wardatun@ukm.edu.my
- Wong Yuki  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a189803@siswa.ukm.edu.my
- Muhammad Asri Shamsul  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a188175@siswa.ukm.edu.my
- Faris Iskandar Fadzlan  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a190227@siswa.ukm.edu.my

Henry Teh Hen Li  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a186273@siswa.ukm.edu.my

Muhammad Faris Daniel Sallehudin  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a188485@siswa.ukm.edu.my

Adliesyamil Yassin Azman  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia  
E-mel: a190300@siswa.ukm.edu.my